

25 APR 1997

Mahathir-Islam

UMAT ISLAM DAPAT JADI KUASA BAWA KEBAIKAN KEPADA MANUSIA, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 25 April (Bernama) -- Umat Islam boleh menjadi satu kuasa yang akan dapat membawa kebaikan kepada manusia sejagat dalam abad ke-21, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Walaupun kemungkinan ini nampaknya sukar, tetapi sinario itu bukan satu perkara yang mutahil, kata beliau ketika berucap pada satu simposium mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global: Persediaan untuk Abad ke-21 di sini.

"Abad ke-21 tidak relevan kepada umat Islam. Ia hanyalah satu tempoh masa. Tetapi abad ke-21 akan menyaksikan banyak perubahan dan umat Islam adalah sebahagian dari perubahan ini sama ada mereka suka atau tidak," katanya.

Dr Mahathir menegaskan adalah lebih baik umat Islam menghadapi abad ke21 dengan mata mereka terbuka dengan luas dan dengan pandangan yang jelas mengenai apa yang mereka mahu lakukan dan peranan apakah yang mereka mahu mainkan.

"Dan sekiranya mereka memilih untuk memainkan peranan yang membina dan pada masa yang sama mengekalkan kepercayaan mereka, nilai-nilai kerohanian dan persaudaraan tulen mereka, mereka akan dapat memberi sumbangan yang positif kepada pembangunan kemanusiaan, menjadikannya tenang kembali dan menghalang haluan kehancuran yang sedang ditujui oleh manusia," tambah beliau.

Simposium tiga hari itu yang dianjurkan bersama oleh Pusat Kajian Islam Oxford (OCIS) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dihadiri oleh 150 peserta yang terdiri dari ahli-ahli politik, para akademik, pemimpin korporat, pegawai kerajaan dan wartawan.

Dalam ucapannya yang mengundang renungan itu, Dr Mahathir juga menyentuh dengan panjang lebar mengenai Empayar Islam yang pernah menguasai dunia.

Kata beliau adalah perkara biasa bagi umat Islam untuk cenderung bagi mengembalikan keagungan masa lepas mereka, empayar mereka dan kekuasaan mereka ke atas seluruh dunia.

"Tetapi mereka perlu ingat bahawa imperialisme adalah satu perkara yang lepas. Empayar Islam atau empayar British atau empayar lain tidak boleh dibangkitkan semula," kata beliau

Apa yang mereka boleh harap untuk dicapai ialah membawa pembangunan kepada negara-negara Islam yang merdeka ke paras yang sama dengan negara-negara maju di dunia, tambah beliau.

"Ini bukanlah satu tugas yang mustahil," kata beliau.

Perdana Menteri berkata umat Islam dapat membangunkan negara mereka masing-masing tanpa membuat percubaan untuk disatukan sebagai sebuah empayar.

"Kesetiaan mereka kepada negara mereka sendiri tidak boleh diperluaskan dengan melancarkan peperangan dengan negara Islam yang lain hanya untuk mencapai cita-cita nasional," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata negara-negara Islam perlu memperkukuhkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan membantu anggota-anggota yang lemah.

"Tetapi setakat ini sahajalah yang mereka boleh lakukan, kordinasi dan pengkorporatan tetapi bukan empayar," katanya sambil menambah bahawa tidak ada satupun negara Islam yang boleh diklasifikasikan sebagai maju.

"Sebilangan kecil mungkin kaya kerana dikurniakan dengan sumber-sumber asli. tetapi hampir kesemuanya tertinggal dibelakang dalam pengetahuan

moden, kemahiran teknologi dan dalam banyak contoh kerajaan yang berkesan," kata beliau. -- BERNAMA
AZZ/MT WAT